Sabtu 16 Jun 2007 / 1 Jamadilakhir 1428H

DEWAN SK-3,
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM),
PULAU PINANG

Anjuran :

SS Dr Mohd Asri Bin Zainul Abidin
Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Bin Haji Abd. Majid
Dr Juanda Bin Haji Jaya
Brother Shah Kirit Bin Kalkulal Govindji
Ustaz Ahmad Jailani Bin Abdul Ghani

ISI KANDUNGAN

MUQADDIMAH

ISLAM ITU MUDAH

Penerangan Islam yang sebenar, berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah dengan pemahaman generasi *Salaf al-Soleh* kepada masyarakat hari ini dilihat lebih mendesak setelah sekian lama gambaran Islam telah dimuram dan dihodohkan dengan pandangan-pandangan golongan tertentu yang menyusah, menyempit dan memundurkan.

Hasilnya umat Islam saban hari semakin jauh dari agama. Bagi golongan bukan Islam pula, mereka terus jauh dan jauh dari pemahaman yang sebenar, bahkan sebahagiannya memusuhi Islam disebabkan gambaran yang salah terhadap agama.

Islam yang sebenar telah digambarkan di dalam al-Quran dan al-Sunnah sebagai sebuah agama yang mudah dan jauh dari menyusahkan.

Kewujudan segelintir umat Islam yang memiliki kefahaman yang jelas dan benar terhadap agama Islam, secara tidak langsung dapat berperanan sebagai wahana dakwah *bi al-Hal* di tengah-tengah masyarakat yang semakin keliru.

Seminar Penerangan Islam anjuran Institut al-Qayyim kali ini yang diberi tajuk *Islam Itu Mudah* merupakan salah satu program yang dirangka bagi mendokong usaha ini. Objektif program yang digariskan adalah seperti berikut :

i. Kesinambungan daripada program-program sebelum ini yang telah dianjurkan

ii. Memberi ruang bagi sesuatu tajuk didiskusi, diseminar dan dibentangkan, dengan harapan maklumat yang jelas berjaya disampaikan kepada masyarakat umum secara meluas dan berkesan.

iii. Membuka ruang kepada perbincangan sihat antara peserta seminar dengan panel-panel pembentang kertas kerja.

iv. Menggalakkan sesuatu isu dibincangkan secara ilmiah, jauh dari sekadar sangkaan dan pertimbangan yang sempit.

ATUR CARA SEMINAR

PENDAFTARAN

08.00 - 09.00	:	Pendaftaran

PEMBUKAAN

09.00 - 09.10	:	Ucapan Pengacara Majlis **Ustaz Hisham Mohd Radhi** *(Timbalan Presiden Institut al-Qayyim)*
09.10 - 09.40	:	Ucaptama **SS Dr Mohd Asri Zainul Abidin** *(Mufti Kerajaan Negeri Perlis)*
09.40 - 10.00	:	Minum pagi

Sessi 1

10.00 - 10.10	:	Ucapan Pengerusi Majlis
10.10 - 11.10	:	Pembentangan kertas kerja 1 **Dr Juanda Bin Haji Jaya** *(Ketua Penolong Mufti Sarawak)*
11.10 - 12.10	:	Pembentangan kertas kerja 2 **Brother Shah Kirit Bin Kakulal Govindji** *(Pengurus Cawangan, Saba Islamic Media)*
12.10 - 13.10	:	Pembentangan kertas kerja 3 **Prof. Datuk Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid** *(Pensyarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)*
13.10 - 14.00	:	Makan tengahari & solat Zohor

Sessi 2

14.00 -15.30	:	**Forum** Tajuk : ***"Kesederhanaan Islam"*** Panel : **Semua pembentang kertas kerja bersama** **Dr. Mohd Asri Zainul Abidin** (Mufti Perlis) Pengerusi: **Ustaz Ahmad Jailani Abdul Ghani** (Peguam Syarie)
15.30 - 16.30	:	Soal-Jawab
16.30	:	Bersurai

KATA-KATA ALUAN
PENGARAH SEMINAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmannir Rahhim

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta `alam, selawat dan salam ke atas junjungan kita, Nabi Muhammad SAW, Rasul akhir zaman, keluarganya, sahabatnya, dan para penerusnya yang mengikuti mereka dengan baik sehingga hari kiamat.

Islam berkembang dengan pesatnya pada hari ini berkat kegigihan dakwah Rasulullah SAW dan para sahabat Baginda. Tanpa mengenal penat lelah, Islam terus disampaikan kepada seluruh manusia walaupun mendapat pelbagai tentangan dari segenap pihak.

Syukur ke hadrat Allah SWT, hanya dengan izinNya juga usaha dakwah ini dapat dijayakan dengan penganjuran seminar seperti ini, sebagai salah satu "medium" penyebarannya. Seminar ini merupakan salah satu daripada program yang diusahakan oleh Institiut Al-Qayyim sepanjang tahun ini. Ia merupakan kesinambungan usaha-usaha yang lepas bertujuan mencambahkan ilmu-ilmu Islam ke arah sasaran umat Islam masa kini.

Islam kini sedang berdepan dengan berbagai-bagai cabaran, terutamanya cabaran dari sudut akidah. Kekeliruan timbul kerana ketidakfahaman sesetengah daripada kita dengan "apa itu Islam yang sebenar". Bercampur aduk amalan agama dengan tradisi masyarakat setempat yang telah lapuk di kepala umat membuatkan kita percaya bahawa itulah Islam sebenarnya. Pantang diberi tahu amalan-amalan itu tidak benar atau bercanggah dengan sunnah, maka kita disanggah dengan mengatakan *"inilah yang diamalkan oleh datuk nenek kita", dan" tok-tok guru yang `alim terdahulu dari kita, apakah mereka tidak mengetahui?"*

Lebih berat lagi apabila mereka yang `alim bersanggah sesama sendiri yang mana ia membuat orang awam bertambah keliru. Orang yang baru nak berjinak dengan Islam merasakan seolah-olah Islam ini susah dan payah lalu menjauhkan diri, dan mereka beranggapan *"dia orang yang alim pun tak sependapat, bagaimana kami yang jahil ni nak di bimbing"*

Satu pendekatan perlu dilakukan untuk menarik orang awam memahami agama dengan menunjukkan Islam itu mudah dan praktikal. Institiut Al-Qayyim sentiasa berusaha bergerak ke arah itu dengan menganjurkan sesi-sesi ceramah, majlis-majlis ilmu, forum, dan seminar seperti ini, berteraskan al-Qur`an dan al-Sunnah.

Seminar yang dianjurkan kali ini bertemakan "Islam itu mudah". Memang Islam itu mudah dan jauh sekali menyusahkan dan inilah yang digambarkan di dalam al-Quran dan al-sunnah.
Atau manusia sendiri yang sengaja yang menyusahkan dan mengaitkannya dengan Islam?

Kita perhatikan beberapa ayat Quran yang bermaksud:-

1. **"Dan sesungguhnya telah Kami mudahkan al-Qur'an untuk pelajaran, maka adakah sesiapa yang mengambil pelajaran?" (Al Qamar: 17)**

2. **"Allah menghendaki untuk meringankan kamu kerana manusia itu diciptakan lemah". (An Nisaa: 28)**

3. **"Kami tidak menurunkan al-Qur'an kepada kamu supaya kamu menjadi sengsara" (Thaahaa: 2)**

4. **"Inilah ayat-ayat Allah Kami bacakan ayat-ayat itu kepada kamu dengan benar, dan tiadalah Allah menghendaki untuk menganiayai hamba-hambanya". (Ali `Imran: 108)**

Agama Islam bukanlah agama yang sempit, firman Allah yang bermaksud :-

"Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya, Dia telah memilih kamu dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama satu kesempitan" (Al Haj: 78)

Ayat-ayat di atas, dengan tanpa keperluan kepada ulasan mendalam, jelas mengatakan bahawa kesusahan, kepayahan, kesukaran dan kesengsaraan bukanlah konsep yang dianjurkan al-Quran. Sebaliknya al-Quran adalah untuk kemudahan manusia. Islam adalah untuk kemudahan dan kesenangan manusia.

Kesukaran Dalam Islam ?

Allah, Pemelihara yang Maha Berkuasa dan yang Maha Mengasihani telah menetapkan bahawa sesiapa yang menolak al-Quran dan memilih untuk mengikut sumber lain sebagai panduan dan ikutan, akan merana di dunia dan akhirat. Allah tidak meletakkan kesukaran, tetapi sesetengah daripada kita yang berbuat demikian. Kita menginkari apa yang ada dalam al-Quran dengan mereka-reka hukum-hakam, syarat dan peraturan sendiri untuk semua perkara. Mereka yang percaya kepada Allah dan percaya bahawa al-Quran itu lengkap, sempurna dan terperinci, akan mendapati semua perkara senang dan mudah sebagaimana Allah janjikan.

Kita mesti ingat amaran Allah dalam al-Quran yang bermaksud :-

"Dan janganlah mengikuti apa yang kamu tiada mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran, dan penglihatan, dan hati - semuanya itu akan di minta pertanggungjawabnya". (Al Israa: 36)

Alhamdulillah, seminar pada kali ini menghimpunkan ahli-ahli panel yang terdiri daripada kalangan ilmuan dan professional yang tidak asing lagi bagi mereka yang mengikuti perkembangan dakwah dan isu-isu agama semasa.

Harapan kami, seminar ini dapat memberi ruang kepada para perserta dan ahli panel untuk berbincang secara ilmiah dan terbuka seterusnya mendapat penjelasan maklumat-maklumat terkini dengan tepat dan berkesan, InsyaAllah.

Tahniah dan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat yang menjayakan seminar ini. Wassalamu`alaikum warahmatullah wabarakatuh.

Nazri Said
Pengarah
Seminar "Islam itu Mudah"

KATA-KATA ALUAN
PRESIDEN INSTITUT AL-QAYYIM (IQ)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmannir Rahhim

Segala puja dan puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Selawat dan salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga Baginda dan para sahabatnya r.a.

Ramai manusia tidak mengenali Islam dengan wajahnya yang sebenar. Sebahagian daripada apa yang dipersembahkan dan ditonton oleh umat manusia bukan menggambarkan imej Islam yang tulen. Ini sebenarnya suatu tragedi. Orang-orang bukan Islam malahan sebilangan umat Islam sendiri tidak lagi dapat mengenali Islam yang sebenar, yang indah, yang menjadi rahmat untuk seluruh alam sebagaimana yang diturunkan ke atas baginda Rasulullah S.A.W. Akibatnya Islam dijauhi, pengamalannya dianggap tidak sesuai, ajarannya tidak dinamik dan progresif, ia tidak lagi mampu menyelesaikan masalah umat. Tanggapan buruk ini bukan sahaja lahir dari benak orang-orang bukan Islam malahan lebih menyedihkan ia juga turut menghantui pemikiran sebilangan umat Islam sendiri.

Memperkenalkan ajaran Islam yang tulen merupakan sebahagian daripada tugas dan agenda utama para *du'at* (pendakwah) dan *muslihin* (pembaik). Ciri-ciri keistimewaan dan keindahan Islam mesti diperkenalkan dan diwar-warkan agar Islam lebih mudah didekati dan difahami. Islam yang dipertontonkan jauh dari ciri-cirinya yang asli hanya akan menjauhkan manusia daripada menghayati ajarannya. Bahkan penghayatan terhadap Islam yang tersasar daripada sifat-sifatnya tulen menyebabkan banyak berlakunya penyelewengan dan kekarutan di dalam amalan sebilangan umat Islam. Bagi membanteras perkara-perkara tersebut, sangat wajarlah usaha-usaha mempersembahkan Islam yang tulen, indah lagi rahmah disemarakkan, disokong dan didokong. Ciri-ciri Islam yang *universal*, *syumul*, penuh *rahmah* dan mudah mesti diketengahkan kepada masyarakat.

Inilah yang cuba diusahakan oleh IQ dengan kerjasama pelbagai pihak. Seminar 'Islam itu mudah' yang dianjurkan ini adalah salah satu agenda memperkenalkan Islam yang murni agar ia didekati dan dihayati. Ia bertujuan memperkenalkan kepada masyarakat bahawa Islam adalah agama yang realistik, mudah diamalkan, jauh sekali untuk menzalimi mana-mana individu. Topik 'mudah' ini dipilih bukan kerana memenuhi tuntutan semasa atau lantaran tekanan realiti seperti yang mungkin disangka oleh segelintir manusia. Sebaliknya 'mudah' memang sifat dan tabiat Islam yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W.

Taysir (Memudahkan) adalah suatu yang dituntut oleh syarak. Syariat Islam dibina di atas dasar 'mudah' bukan 'susah'. Firman Allah S.W.T: "Dan tidaklah Dia (Allah) menjadikan bagimu kesusahan dalam beragama" (Al-Hajj : 78). Firman-Nya lagi: "Allah mengkehendaki bagi kamu kemudahan dan Dia tidak mengkehendaki bagi kamu kesusahan" (Al-Baqarah : 185). Banyak lagi ayat-ayat lain yang membuktikan bahawa syariat Allah ini bersifat mudah dan tidak menyusahkan. Tinggal lagi hawa nafsu dan kejahilanlah yang menghalang manusia daripada menghayati ajaran Islam. Agama digambarkan susah dan menyusahkan.

Oleh sebab tabiat agama ini 'mudah' maka manusia sejagat khususnya umat Islam sendiri mesti diajar dengan cara dan bentuk yang bersesuaian dengan tabiat tersebut. Sebarang bentuk pengajaran agama Islam dalam wajah yang sukar dan menyukarkan adalah bertentangan roh dan tabiat agama ini sendiri. Ajaran Islam mesti dikemukakan dalam wajah yang menyelesaikan persoalan semasa. Sebarang bentuk seruan ke arah syariat yang murni ini mestilah juga didirikan di atas dasar memudahkan bukan menyusahkan. Ia mestilah mendekatkan umat kepada Islam bukan menjauhkannya daripada syariat yang

tulus murni ini. Rasulullah S.A.W bersabda tatkala menghantar Abu Musa al-Asy'ari dan Muadz Bin Jabal ke Yaman: "Hendaklah kamu berdua memudahkan dan janganlah kamu berdua menyukarkan, berilah berita gembira dan janganlah kamu berdua menjauhkan (manusia daripada Islam)..." (*muttafaqun 'alaihi*).

Banyak lagi kerja Islam yang belum mampu untuk dilaksanakan. Namun mudah-mudahan sedikit usaha melalui program-program seperti seminar ini dapat memberi sumbangan kepada perjuangan menegakkan agama Allah di muka bumi ini. Semoga ia dikira oleh Allah di dalam timbangan amalan *hasanat* dan diredhai oleh-Nya.

Akhir sekali setinggi-tinggi penghargaan buat teman-teman yang bertungkus lumus menjayakan program ini. Juga buat para penyumbang yang telah membantu dari segi material, semangat dan idea. *Jazakumullah khiran kathira.*

Wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Abd Rasyid Bin Idris
Presiden Institut al-Qayyim (IQ)

AHLI JAWATANKUASA KERJA

PENGARAH
Hj. Nazri bin Said

TIMBALAN PENGARAH
Hj. Amir Hamzah bin Hashim

SETIAUSAHA 1
Mohamad Abdul Kadir bin Sahak

SETIAUSAHA 2
Hj. Abdul Wahab bin Bahari

BENDAHARI
HJ. Jasni bin Jaafar

SAMBUTAN DAN PROTOKOL
Hj. Nor Azman bin Merican
Hj. Amir bin Hj. Ismail
Hj.Ismail bin Darus
Hj. Abdullah bin Rejab
Ismail bin Abdul Ghaffar
Abdul Kadir bin Wahab
Salehi bin Hassan

PENDAFTARAN
Md. Isa Daud
Nor Azman bin Ahmad
Abdullah Rejab
Zaini Kasa
Rosli bin Muhammad
Zaidi bin Othman
Hazlina
Admen Azmeen
Noradibah
Zuyati Yahaya

PUBLISITI DAN BUKU CENDERAMATA
Rosman bin Che Kassim
Saiful Nizar bin Abd Rahim
Ahmad Zamzuri Mohamad Ali

RAKAMAN DAN SIAR RAYA
Khosim Ismail
Abdul Latef
Abdul Rahim bin Awang

KESELAMATAN
Khalim bin Abdullah
Hj. Khalid Md. Saman
Nor bin Bahari
Abdul Rasyid bin Manap
Tarmizi bin Kasim
Zulkarnain bin Ismail

JUALAN
Ishak Ariffin
Akmal
Hasbullah Napiah

MAKANAN
Hj. Zainal Ahmad bin Che Soh
Sharif bin Husin
Dr. Mohammad Hazlim bin Abdul Halim
Azhar bin Sulaiman
Ahmad Zamri bin Mohd Ali

PENGEMASAN DEWAN
Zaini Kasa
Wan Fahmi

KECEMASAN DAN KEBAJIKAN
Dr. Imran
Haris Harun
Husna

TUGAS-TUGAS KHAS
Lokman bin Madinah
Azman bin Abu Rahman
Salim bin Madinah
Wahab bin Md. Noor
Shahrizal bin Bahri
Abdul Rasidi bin Mat Said

PENGACARA MAJLIS
Ustaz Hisyam bin Mohd Radhi

PENGERUSI FORUM
Ustaz Ahmad Jalani bin Abdul Ghani

ISLAM AGAMA RAHMAT

Oleh: DR JUANDA BIN JAYA

بسم الله الرحمن الرحيم الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد

وعلى آله وصحبه أجمعين وبعد

1. MUKADIMAH

Apabila disebutkan seruan kembali kepada ajaran Islam, maka sebahagian manusia akan menggambarkan suatu bentuk yang pincang tentang Islam. Kembali kepada Islam mereka fahamkan hanya sekadar kembali kepada perundangan dan pensyariatan Islam semata. Mereka berfikir bahawa ajaran Islam hanya tergambar pada amalan memotong tangan pencuri, menyebat dan merejam penzina, qisas dalam pembunuhan, pelaksanaan hudud ataupun dalam urusan muamalat semata. Tidak dinafikan bahawa hukum dan perundangan ini adalah bahagian utama daripada ajaran Islam yang mesti dilaksanakan, tidak boleh diabaikan sama sekali, kafir mereka yang menafikannya dan berdosa mereka yang mengabaikannya, tetapi dalam pada itu, perlu disedari bahawa bukan hanya sudut ini sahaja kandungan agama Islam.

Kembali kepada Islam sepatutnya membawa maksud menjadikan Islam sebagai pemandu dan penunjuk bagi masyarakat dalam semua bidang dan ruang kehidupan rohani dan jasmani. Ia membawa maksud kehidupan seluruhnya hendaklah mengikut acuan Islam dan haluan Islam. Ia menjadikan akidah masyarakat adalah akidah Islam, syiarnya adalah Islam, fahaman dan pemikirannya adalah Islam, sentimen dan kecenderuangan adalah berteraskan Islam, demikian juga pendidikan, adat, adab, perundangan dan pensyariatan semuanya adalah berteraskan Islam. Kembali kepada Islam membawa maksud mengembalikan masyarakat Islam ke dalam alam nyata dengan semua ciri, asas, keistimewaan dan indikatornya, tanpa mengabaikan sedikitpun sudut keislaman.

Kertas ringkas ini akan membicarakan tentang pengertian Islam dan bentuk rahmat yang ditawarkan oleh Islam yang berupa kemudahan dalam amalan keislaman yang menjadi indikator bahawa Islam adalah agama pembawa rahmat.

2. ISLAM AGAMA RAHMAT

Bagi memahami keluasan makna Islam, memahami maksud penggunaan lafaznya yang disebut oleh al-Quran adalah jalan terbaik bagi memahaminya. Terdapat ulangan sebanyak 140 kali di dalam al-Quran terhadap lafaz Islam. Ungkapan lafaz Islam datang dalam pelbagai bentuk di dalam al-Quran. Antaranya ialah membawa kepada maksud berikut ini:

i. Makna yang membawa kepada maksud bebas dan terhalang daripada sebarang penyakit dan kerosakan. Ia dinyatakan dalam ayat 43 Surah al-Qalam:

خَٰشِعَةً أَبۡصَٰرُهُمۡ تَرۡهَقُهُمۡ ذِلَّةٌۖ وَقَدۡ كَانُواْ يُدۡعَوۡنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ وَهُمۡ سَٰلِمُونَ

Maksudnya; Pandangan mereka (dalam keadaan) tunduk ke bawah, lagi mereka diliputi kehinaan dan sesungguhnya mereka dahulu (di dunia) diseru untuk bersujud, dan mereka dalam keadaan sejahtera.[1]

---

[1] Maksudnya: ialah bahwa mereka berkesempatan untuk melakukan sujud, tetapi mereka tidak melakukannya.

Ayat ini membawakan maksud mereka yang kafir itu tidak mampu untuk sujud pada hari kiamat sebagai satu hukuman untuk mereka kerana dahulu sewaktu di dunia dalam keadaan mereka sihat dan bebas daripada halangan dan penyakit, mereka enggan untuk sujud. Ayat ini juga menjelaskan bahawa agama Islam mewajibkan umatnya membebaskan diri daripada penyakit syirik dan sebarang bentuk keberhalaan agar Islam mereka sah dan dituluskan hanya untuk Allah SWT. Perkara ini jelas dalam ayat 89 Surah al-Syu'ara':

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Maksudnya: (Iaitu) di hari harta dan anak-anak laki-laki tidak berguna, kecuali orang-orang yang menghadap Allah dengan hati yang bersih,

Pemilik hati yang sejahtera menduduki tempat yang tinggi di sisi Allah SWT sehinggakan Ibrahim AS disifatkan sebagaimana ayat 83-84 Surah al-Saffat:

۞ وَإِنَّ مِن شِيعَتِهِۦ لَإِبْرَٰهِيمَ ﴿٨٣﴾ إِذْ جَآءَ رَبَّهُۥ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٤﴾

Maksudnya: Dan Sesungguhnya Ibrahim benar-benar termasuk golongannya (Nuh).[2] (Ingatlah) ketika ia datang kepada Tuhannya dengan hati yang suci.[3]

ii. Makna yang membawa maksud selamat dan kekal dalam keamanan. Firman Allah SWt dalam ayat 208 Surah al-Baqarah:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱدْخُلُوا۟ فِى ٱلسِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَـٰنِ ۚ
إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhan, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.

Islam adalah kesejahteraan kerana Islam mewujudkan keamanan dan keselamatan. Juga hanya dengan keimanan, keamanan dapat diwujudkan. Hal ini hanya akan berlaku apabila Islam itu tulin dan akidah keislamannya hanya tulus untuk Allah SWT. Firman-Nya dalam ayat 82 Surah al-An'am:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَلَمْ يَلْبِسُوٓا۟ إِيمَـٰنَهُم بِظُلْمٍ أُو۟لَـٰٓئِكَ لَهُمُ ٱلْأَمْنُ وَهُم مُّهْتَدُونَ

Maksudnya: Orang-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka Itulah yang mendapat keamanan dan mereka itu adalah orang-orang yang mendapat petunjuk.

Oleh itu Islam dan kesejahteraan (al-Salam) tidak terpisah. Salam seorang Muslim untuk saudaranya adalah bagi mengangkat syiar Islam, demikian juga Salam seorang Muslim untuk semua manusia yang tidak melakukan kerosakan dan permusuhan, juga akan mengangkat nama Islam. Salam adalah syiar seorang Muslim yang tidak diragukan lagi. Firman Allah SWT dalam ayat 94 Surah al-Nisa' :

---

[2] Maksudnya: Ibrahim termasuk golongan Nuh a.s. dalam keimanan kepada Allah dan pokok-pokok pelajaran agama.

[3] Maksud datang kepada Tuhannya ialah mengikhlaskan hatinya kepada Allah dengan sepenuh-penuhnya.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا ضَرَبۡتُمۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ فَتَبَيَّنُواْ وَلَا تَقُولُواْ لِمَنۡ أَلۡقَىٰٓ إِلَيۡكُمُ ٱلسَّلَٰمَ
لَسۡتَ مُؤۡمِنٗا تَبۡتَغُونَ عَرَضَ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا

Maksudnya : Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu pergi (berperang) di jalan Allah, Maka telitilah dan janganlah kamu mengatakan kepada orang yang mengucapkan "salam" kepadamu: "Kamu bukan seorang mukmin" (lalu kamu membunuhnya), dengan maksud mencari harta benda kehidupan di dunia.

Salam adalah hak penghormatan setiap Mukmin yang perlu didengarkan kepada saudara mukminnya yang lain. Ia akan menjadi asas cinta dan kasih antara Muslimin. Firman Allah SWT dalam ayat 54 Surah al-An'am:

وَإِذَا جَآءَكَ ٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِـَٔايَٰتِنَا فَقُلۡ سَلَٰمٌ عَلَيۡكُمۡۖ كَتَبَ رَبُّكُمۡ عَلَىٰ نَفۡسِهِ ٱلرَّحۡمَةَ

Maksudnya : Apabila orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat kami itu datang kepadamu, Maka Katakanlah: "Salaamun alaikum. Tuhanmu Telah menetapkan atas Diri-Nya kasih sayang".

iii. Islam dalam ertikata ikhlas dan tulus kepada Allah. Firman Allah dalam ayat 112 Surah al Baqarah:

بَلَىٰ مَنۡ أَسۡلَمَ وَجۡهَهُۥ لِلَّهِ وَهُوَ مُحۡسِنٞ فَلَهُۥٓ أَجۡرُهُۥ عِندَ رَبِّهِۦ وَلَا خَوۡفٌ
عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ﴿١١٢﴾

Maksudnya : (Tidak demikian) bahkan barangsiapa yang menyerahkan diri kepada Allah, sedang ia berbuat kebajikan, Maka baginya pahala pada sisi Tuhannya dan tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati.

Ayat ini bermaksud ibadat hanya ditujukan kepada Allah SWT. Juga firman-Nya dalam ayat 44 Surah al-Maidah:

إِنَّآ أَنزَلۡنَا ٱلتَّوۡرَىٰةَ فِيهَا هُدٗى وَنُورٞۚ يَحۡكُمُ بِهَا ٱلنَّبِيُّونَ ٱلَّذِينَ أَسۡلَمُواْ لِلَّذِينَ هَادُواْ وَٱلرَّبَّٰنِيُّونَ
وَٱلۡأَحۡبَارُ بِمَا ٱسۡتُحۡفِظُواْ مِن كِتَٰبِ ٱللَّهِ وَكَانُواْ عَلَيۡهِ شُهَدَآءَ

Maksudnya: Sesungguhnya kami Telah menurunkan Kitab Taurat di dalamnya (ada) petunjuk dan cahaya (yang menerangi), yang dengan Kitab itu diputuskan perkara orang-orang Yahudi oleh nabi-nabi yang menyerah diri kepada Allah, oleh orang-orang alim mereka dan pendeta pendeta mereka, disebabkan mereka diperintahkan memelihara kitab-kitab Allah dan mereka menjadi saksi terhadapnya.

Para Nabi dalam ayat ini disifatkan sebagai Islam yang membawa maksud ketinggian keikhlasan mereka dalam berakidah.

iv. Islam dalam ertikata masuk Islam. Firman Allah SWT dalam ayat 20 Surah Ali 'Imran

فَإِنۡ حَآجُّوكَ فَقُلۡ أَسۡلَمۡتُ وَجۡهِيَ لِلَّهِ وَمَنِ ٱتَّبَعَنِۗ وَقُل لِّلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡأُمِّيِّـۧنَ ءَأَسۡلَمۡتُمۡۚ
فَإِنۡ أَسۡلَمُواْ فَقَدِ ٱهۡتَدَواْۖ وَّإِن تَوَلَّوۡاْ فَإِنَّمَا عَلَيۡكَ ٱلۡبَلَٰغُۗ وَٱللَّهُ بَصِيرُۢ بِٱلۡعِبَادِ ﴿٢٠﴾

Maksudnya: Kemudian jika mereka mendebat kamu (tentang kebenaran Islam). Maka Katakanlah: "Aku menyerahkan diriku kepada Allah dan (demikian pula) orang-orang yang mengikutiku". dan Katakanlah kepada orang-orang yang Telah diberi Al Kitab dan kepada orang-orang yang ummi: "Apakah kamu (mau) masuk Islam". jika mereka masuk islam, Sesungguhnya mereka Telah mendapat petunjuk, dan jika mereka berpaling, Maka kewajiban kamu hanyalah menyampaikan (ayat-ayat Allah). dan Allah Maha melihat akan hamba-hamba-Nya.

Ayat ini bermaksud apakah kamu masuk Islam yang merupakan agama yang benar dan manhaj yang sempurna bagi manusia? Jika kamu masuk Islam yang dibawakan oleh Muhammad SAW maka kamu termasuk orang yang dapat petunjuk.

v. Islam dalam ertikata ketundukan dan kepatuhan. Firman Allah SWT dalam ayat 83 Surah Ali 'Imran :

أَفَغَيْرَ دِينِ ٱللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُۥٓ أَسْلَمَ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

Maksudnya : Maka apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, padahal kepada Nya-lah menyerahkan diri segala apa yang di langit dan di bumi, baik dengan suka maupun terpaksa dan Hanya kepada Allahlah mereka dikembalikan.

Islam yang di langit dan bumi kepada Allah bererti ia tunduk dan patuh kepada Allah dan hukumnya serta berjalan mengikut undang-undangnya yang kekal.

vi. Islam dalam makna agama yang benar. Firman Allah SWT dalam ayat 19 Surah Ali 'Imran:

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلْإِسْلَٰمُ

Maksudnya : Sesungguhnya agama (yang diredai) di sisi Allah hanyalah Islam.

Juga firmannya dalam ayat 7 Surah al-Saf:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ وَهُوَ يُدْعَىٰٓ إِلَى ٱلْإِسْلَٰمِ ۚ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِي ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٧﴾

Maksudnya: Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang mengada-adakan dusta terhadap Allah sedang dia diajak kepada Islam? dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang zalim.

Ayat ini menjelaskan besarnya tanggungjawab setiap Muslim dan betapa besarnya kezaliman dan kejahatan yang yang dilakukan oleh mereka yang menyeleweng daripada petunjuk Allah SWT dan berdusta atas nama Allah SWT dengan menciptakan akidah, akhlak dan ibadat yang tidak benar atas nama Allah SWT.

vii. Islam dalam ertikata seorang Muslim yang membawa syiar Islam, iltizam dengan manhajnya dan dia meminta Allah SWT mengekalkannya atas jalan-Nya. Mereka yang Muslim ini adalah sebaik baik manusia dan mempunya kedudukan yang tinggi dalam agama. Firman Allah dalam ayat 132 Surah al-Baqarah:

وَوَصَّىٰ بِهَآ إِبْرَٰهِـۧمُ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ يَـٰبَنِىَّ إِنَّ ٱللَّهَ ٱصْطَفَىٰ لَكُمُ ٱلدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٣٢﴾

Maksudnya: Dan Ibrahim telah mewasiatkan ucapan itu kepada anak-anaknya, demikian pula Ya'qub. (Ibrahim berkata): "Hai anak-anakku! Sesungguhnya Allah Telah memilih agama Ini bagimu, Maka janganlah kamu mati kecuali dalam memeluk agama Islam".

Jelasnya perkataan Islam membawa makna selamat, salam dan sejahtera. Setiap manusia yang bernaung di bawah Islam akan menikmati kemanan kerana dia jauh daripada tabiat yang buruk, akhlak yang mungkar, kerosakan masyarakat, dosa kerosakan dan perpecahan serta peperangan. Islam mengandungi pengertian tunduk, patuh dan berserah kepada keagungan Allah SWT. Padanya wujud keikhlasan wajah, hati, anggota dan semua ini digambarkan dalam bentuk ibadat dan penghambaan hanya kepada Allah SWT seluruhnya.

3. BENTUK RAHMAT YANG DITAWARKAN OLEH ISLAM

Sesuai dengan sifat Islam yang syumul dan menyeluruh bagi kehidupan manusia, bentuk rahmat yang dibawa adalah mencakupi semua bidang iaitu :

i. Rahmat pada sudut kerohanian dan akhlak

Manusia bukan sekadar jasad yang hanya tahu makan, minum dan bersukaria. Jasad hanyalah kulit bagi roh yang berasal dari alam yang tinggi. Sumber roh yang tinggi inilah yang membezakan manusia daripada makhluk lain dan menjadikannya layak untuk dimuliakan dan menjadi Khalifah Allah di bumi. Islam memahami fitrah penciptaan manusia dan memberikan hak yang sepatutnya. Islam memberikan ia makanan dan suasana yang bersesuaian agar ia subur dan hidup. Kerohanian hanya akan hidup dengan ilmu yang bermanfaat, iman yang benar, ibadat yang ikhlas dan akhlak yang lurus. Inilah dia makanan roh dan menjadi ciri istimewa manusia.

Islam menghidupkan keimanan yang rabbani berupa tauhid kepada Allah SWT, beriman kepada balasan akhirat sehingga manusia berusaha menyuburkan sudut ini dengan segala cara agar tauhidnya suci daripada noda syirik. Dengan itu akan wujudlah manusia yang ikhlas dan bertakwa, yakin dan penuh tawakal hanya kepada Allah SWT. Dengan hubungan yang dekat kepada Allah SWT, akan mantaplah akhlak yang mulia yang dikehendaki oleh Islam.

Aspek kerohanian menuntut agar dipelihara syiar-syiar Islam terutama ibadat yang besar yang dijadikan oleh Rasulullah SAW sebagai rukun amali bagi asas Islam iaitu Solat, puasa, zakat dan haji. Umat Islam diperintahkan untuk menjaga dan mencintai ibadat yang utama ini dan melaksanakannya dengan penuh ikhlas, amanah dan bersungguh-sungguh bagi menyempurnakan hak Allah SWT yag telah menciptakannya dan telah mengurniakan segala jenis nikmat kepadanya. Ibadat sebegini adalah antara cara utama untuk membentuk jiwa mukmin dan akhlak yang mulia. Oleh itu ia hendaklah dijaga, dihormati dan diberikan keutamaan dalam kehidupan

Bagi mengukuhkan aspek kerohanian, risalah masjid hendaklah dihidupkan sebagaimana asalnya di mana masjid menjadi pusat hidayah dan islah dalam negara, pusat ibadat, madrasah thaqafah, ma'had tarbiyah, nadwah untuk berkenalan dan bermesyuarat. Masjid hendaklah dibukakan ruangnya untuk wanita Islam. Jangan dihalang mereka beribadat secara jama'ie, mendengar kalimah hidayah, nasihat yang berfaedah dan bertemu dengan saudari mereka yang mukminah di tempat yang suci bagi tujuan amal dan matlamat yang suci. Sabda Nabi SAW dalam hadis Riwayat Muslim

Maksudnya: Janganlah kamu menghalang wanita-wanita dari Masjid.

Masjid juga hendaklah dihidupkan oleh para ulama yang terbaik untuk mengajar dan berceramah serta diberikan kepada mereka kebebasan mutlak untuk menjelaskan hakikat pandangan Islam dan menghadapi serangan kebatilan musuh dan tipudaya mereka. Mimbar hendaklah disucikan daripada penyalahgunaan atau menjadi alat diayah bagi individu, keluarga, puak, parti atau sistem tertentu. Masjid adalah tempat mulia yang tidak boleh diangkat sebutan kecuali nama Allah, kalimah Allah dan al-Quran. Firman Allah SWt dalam ayat 18 Surah al-Jinn:

وَأَنَّ ٱلْمَسَٰجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا۟ مَعَ ٱللَّهِ أَحَدًا ﴿١٨﴾

Maksudnya: Dan Sesungguhnya masjid-masjid itu adalah kepunyaan Allah. Maka janganlah kamu menyembah seseorangpun di dalamnya di samping (menyembah) Allah.

Bagi memastikan rahmat Islam pada sudut kerohanian dan akhlak terlaksana maka unsur bidaah dan kebatilan yang dilabelkan dengan agama sejak berkurun yang lalu sama ada dalam sudut akidah, ibadah, budaya atau selainnya yang berkaitan dengan pemikiran dan perangai secara umumnya, semuanya hendaklah diperangi dan dihapuskan. Seruan Islam yang dibawa hendaklah membawa mesej rahmat dengan kembali kepada Islam yang jelas, benar dan mudah sebagaimana diamalkan oleh para sahabat dan pengikut mereka dari kurun yang awal. Amalan asalnya bidaah bermula dari amalan yang kecil, kemudian ia membesar, diwarisi oleh anak, bapa dan datuk daripada moyang mereka. Ia sukar dihapuskan kecuali dengan cara lembut, sabar dan menggunakan pendekatan hikmah dan nasihat yang baik.

ii. Rahmat pada sudut pendidikan dan keilmuan

Allah memuliakan manusia dengan kurniaan akal dan kemampuan untuk belajar. Ilmu pula dijadikan Allah sebagai syarat untuk menjadi khalifah. Oleh itu Islam memerintahkan umatnya untuk mengkaji dan berfikir dan melarang mereka daripada taqlid dan jumud sehinggakan Islam menjadikan berfikir dan belajar itu suatu kewajipan. Mereka yang diberi ilmu dijadikan sebagai pewaris para Nabi dan menuntut ilmu dijadikan sebagai satu jalan menuju syurga. Bahkan sebahagian ilmu menjadi fardu ain dan sebahagian menjadi fardu kifayah, bahkan menjadi fardu kifayah dalam setiap ilmu wujudnya pakar yang dirujuk dalam bidang masing-masing sama ada ia ilmu dunia atau ilmu agama. Oleh itu asas rahmat Islam pada sudut pendidikan hendaklah bersandarkan kepada mewajibkan pendidikan untuk semua kanak-kanak lelaki dan perempuan dan buta huruf mesti dibasmi. Pendidikan pula hendaklah dipelbagaikan dalam semua bidang dunia dan agama agar wujud pakar Islam dalam semua perkara.

Pendidikan agama Islam hendaklah diwajibkan kepada semua peringkat dengan mengajarkan akidah menurut al-Quran dan al-Sunnah al-Sahihah yang mudah, jauh daripada kebingungan mutakallimin; fiqh yang berasaskan dalil, hikmah tasyri' dan menghubungkan fiqh dengan kehidupan serta jauh daripada pertelingkahan mazhab; pelajaran akhlak yang jauh daripada tasawuf falsafiy, pelajaran sirah dan sebagainya; serta aspek ilmu dunia semuanya hendaklah dikaitkan dengan agama

iii. Rahmat pada sudut kemasyarakatan

Islam adalah agama yang mementingkan masyarakat. Bahkan ia berusaha mewujudkan masyarakat yang saleh sama seperti usaha mewujudkan individu yang saleh. Islam tidak menerima individu Muslim yang hidup menyendiri berkhulwah atau umpama rahib. Bahkan Islam mahukan setiap Muslim sentiasa dalam jamaah seperti dalam Solat. Demikian juga ibadat puasa dan haji adalah ibadat jamaah. Islam meletakkan kredit yang tinggi terhadap perbuatan yang membawa kepada kepentingan jamaah.

Islam mengambil berat soal keluarga agar ia kukuh dan berperanan membangunkan masyarakat yang saleh. Islam memuliakan wanita dan memberikan haknya sebagai manusia, anak, ibu dan isteri. Islam mementingkan pendidikan kanak-kanak dan pemuda. Islam memerangi budaya hedonisme yang bertaqlid buta kepada barat yang mengurangkan kelelakian dan keperempuanan, yang menjadi hamba kepada fesyen jahiliyah yang bersandarkan nafsu dan godaan syahwat bagi membunuh adab Islami yang suci. Islam mencegah percampuran bebas kecuali dalam darurat yang perlu dijaga adabnya. Islam menggalakkan perkahwinan awal dan menyediakan ruang bagi memudahkannya serta memerangi adat yang menyukarkan perkahwinan yang melampau dan membazir. Islam mengurus soal perceraian dengan teratur dan menjadikan ia sebagai suatu jalan keluar, bukannya pintu kepada kerosakan yang lebih besar.

Islam menggalakkan pelbagai bentuk seni yang jauh daripada cetusan nafsu dan pemikiran yang kotor dalam tulisan, nyanyian, gambaran, lukisan dan sebagainya yang ada di akhbar, TV dan radio, bukannya ia dijadikan alat bagi memusnahkan manusia. Bagi memelihara masyarakat, Islam mengharamkan semua bentuk minuman dan perkara yang memabukkan, mengharamkan perjudian dan tempat sarang maksiat; haram mengadakan urusan dengannya bagi memelihara akal, jasad dan akhlak yang merupakan asas masyarakat beriman.

iv. Rahmat pada sudut ekonomi

Suatu kesilapan apabila memisahkan agama daripada ekonomi. Al-Quran menganggap harta sebagai asas kepada kehidupan sebagaiman firman Allah SWT dalam ayat 5 surah al-Nisa':

وَلَا تُؤْتُوا۟ ٱلسُّفَهَآءَ أَمْوَٰلَكُمُ ٱلَّتِى جَعَلَ ٱللَّهُ لَكُمْ قِيَـٰمًا وَٱرْزُقُوهُمْ فِيهَا وَٱكْسُوهُمْ
وَقُولُوا۟ لَهُمْ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ۝٥

Maksudnya: Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya, harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan. Berilah mereka belanja dan pakaian (dari hasil harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka kata kata yang baik.

Bahkan Nabi SAW menyifatkan harta yang terbaik adalah berada dalam genggaman lelaki yang saleh. Islam telah menjadikan zakat sebagai rukun ibadat harta dan menjadikan salah satu dosa besar ialah amalan riba. Islam menggalakkan perlbagai jenis pekerjaan sama ada pertukangan, perindustrian, pertanian dan perniagaan di mana peniaga yang amanah mendapat pujian. Islam melarang penipuan dan monopoli. Islam memperakui pemilikan individu kerana ia adalah fitrah manusia, tetapi ia ada syarat dan peraturannya. Harta hanyalah amanah kepada manusia kerana pemilik hakiki adalah Allah SWT.

Islam memerintahkan agar upah yang setimpal diberikan kepada yang berhak menurut kerjanya. Hak zakat pada semua harta yang zahir dan batin perlu diagihkan kepada yang berhak agar taraf hidup ditingkatkan dan perbezaan taraf hidup dapat dikurangkan. Harta yang diperoleh dengan cara haram boleh dirampas oleh pemerintah. Islam juga mengharamkan pembaziran dan sikap melampau dalam kebendaan.

4. KEMUDAHAN TAKLIF ISLAM SEBAGAI ASAS RAHMAT

Agama Islam pilihan Allah SWT yang merupakan agama rahmat diasaskan atas asas kemudahan, kelapangan dan ia menepati fitrah suci manusia di setiap masa dan tempat. Ia bertentangan dengan sangkaan mereka yang suka mengambil sikap keras dan melampau (*mutasyaddid*) dan menganggap sifat agama Islam adalah keras dan menutup semua ruang sehingga sifat melampau ini menyebabkan timbul rasa kesulitan, suatu hal yang bertentangan dengan sifat Islam yang ditentukan oleh Allah dan Rasul-Nya. Namun begitu, Islam tidak pula mudah dan senang sehingga memberi ruang kepada golongan yang suka mengambil ringan (*mutasahil*) tanpa sandaran dalil. Alasan mereka hanyalah maslahat dan mengambil kemudahan tanpa sebarang sandaran maslahat yang syar'ie. Oleh itu Islam berada di tengah dua golongan yang tidak bersandarkan hujah ini.

Tasawur yang syumul dan kamil terhadap Islam adalah amat penting agar Islam jelas mampu menjadi alternatif bagi permasalahan kehidupan manusia. Hubungan dunia Islam dengan dunia barat dan bukan Islam kini semakin rapat dan tidak dapat dielakkan dalam pelbagai bentuk barangan import daripada mereka sama ada dalam bentuk makanan, minuman, sistem pentadbiran dan sebagainya yang sering menjadi perdebatan umat antara golongan yang keras dengan golongan yang mengambil mudah sehingga rela merungkaikan ikatan syarak. Kemudahan yang ada di dalam syarak bertunjang daripada sifat Islam yang *wasat*. Kemudahan bukanlah matlamat, bahkan ia adalah jalan bagi melaksanakan perintah Allah SWT bagi memenuhi matlamat mentaati-Nya. Mereka yang mencari kemudahan tanpa meletakkan matlamat ketaatan kepada Allah SWT sehingga membawa kepada merungkaikan ikatan hukum dan mengabaikan perintah syarak adalah tersilap dalam fahaman mereka terhadap kemudahan yang diakui oleh Islam.

Kemudahan Islam akan jelas kelihatan apabila Islam difahami daripada sumber syarak yang sahih. Rahmat Allah SWT akan jelas kelihatan antara sikap ifrat dan tafrit manusia. Oleh itu kemudahan Islam adalah diasaskan atas kefahaman ilmu, tiada kesulitan tanpa dalil dan begitu juga tiada kemudahan tanpa dalil. Perlu difahami bahawa kemudahan dalam Islam bukan bererti manusia bebas daripada sebarang ikatan sehingga terungkai taklif syarak. Yang perlu difahami secara sahih ialah antara rahmat Allah SWT kepada hamba-Nya ialah Allah SWT tidak mentaklifkan sesuatu yang manusia tidak mampu lakukan. Pada masa yang sama syarak menutup jalan bagi mereka yang mudah ambil ringan. Perintah Allah SWT tetap wajib dilaksanakan, jika tidak mampu Solat berdiri, maka secara duduk atau berbaring. Dengan itu perintah dilaksanakan tetapi dengan kaifiyat yang tiada kesulitan. Jelasnya, kemudahan dalam Islam menghapuskan alasan mereka yang lalai dan tidak memberikan ruang hujah bagi mereka. Asas kemudahan ini memastikan perintah dilaksanakan dalam bentuk kemampuan yang dimiliki. Rahmat Islam jelas kelihatan mengutamakan tujuan syarak itu iaitu menjaga maslahat agama dan dunia melalui pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kemudahan yang ada dalam Islam wujud sama ada dalam bentuk rukhsah syarak, atau asal taklif itu memang mudah, atau ia menjadi mudah kerana wujud kesulitan, 'umum al-Balwa dan sebagainya. Kemudahan ini wujud dalam pelbagai bentuk hukum yang berlaku.

Sandaran hujah bahawa rahmat Islam kelihatan pada kemudahan hukumnya jelas kelihatan pada ayat al Quran, al-Hadis dan manhaj para sahabat.

i. Firman Allah SWT dalam ayat 6 Surah al-Maidah

مَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُم مِّنْ حَرَجٍ وَلَٰكِن يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُۥ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: Allah tidak hendak menyulitkan kamu, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya bagimu, supaya kamu bersyukur.

Ayat ini adalah penghujung pada ayat mengenai hukum wuduk, mandi junub dan tayammum yang jelas menerangkan matlamat pensyariatan adalah bukan untuk menyusahkan, tetapi ia adalah suatu taklif beserta bentuk keringanan dan kemudahan dalam bersuci sebagai suatu bentuk penyempurnaan nikmat Allah.

ii. Firman Allah SWT dalam ayat 78 Surah al-Hajj:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِى ٱلدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ۚ مِّلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَٰهِيمَ

Maksudnya: Dia telah memilih kamu dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan. (Ikutilah) agama orang tuamu Ibrahim.

Ayat ini adalah sebahagian daripada ayat yang datang mengulas setelah datangnya ayat-ayat mengenai perintah ketaatan berupa rukuk, sujud, berbuat baik, mujahadah pada jalan Allah dengan sebenar-benar jihad. Ibnu Abbas menafsir ayat ini dengan menyatakan: Inilah keluasan Islam, dan apa yang Allah jadikan padanya daripada taubat dan kifarat menunjukkan tidak wujudnya kesempitan melainkan Allah menyediakan jalan keluar dan penyelesaian baginya. Muqatil bin Hayyan pula menyatakan: Agama tidak menyempitkan kamu, tetapi ia menjadi luas bagi yang memasukinya, ini disebabkan tidak ada yang diwajibkan kepada kamu melainkan telah ditentukan pada waktu mudarat wujudnya rukhsah.

iii. Firman Allah SWT dalam ayat 185 Surah al-Baqarah:

يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ

Maksudnya: Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.

Kemudahan yang dimaksudkan ialah setiap perkara yang tidak menyusahkan jiwa dan memberatkan jasad, manakala kesukaran ialah apa yang menysahkan jiwa dan memudaratkan jasad.

iv. Sabda Nabi SAW kepada Muaz bin Jabal dan Abu Musa al-Asy'ariy sewaktu keduanya diutuskan ke Yaman;

Maksudnya: Hendaklah kamu berdua memudahkan, jangan menyusahkan, membawa khabar gembira, bukan menakutkan. (Riwayat al-Bukhari)

v. Sikap baginda yang tidak menunaikan solat terawih setiap malam kerana bimbang ia menjadi wajib dan umat tidak mampu melakukannya, sikap baginda yang tidak memanjangkan solat apabila mendengar tangisan kanak-kanak, teguran baginda terhadap Muaz yang membawakan surah al-Baqarah dalam Solat Isyak, sikap baginda terhadap siwak, teguran baginda terhadap Abdullah bin 'Amru dan sebagainya menunjukkan kecenderungan baginda membawa kemudahan kepada umatnya.

vi Anas bin Malik meriwayatkan bahawa Umar pernah berkata: Kamu dilarang daripada takalluf (menyusahkan)

vii. Di dalam Muwatta' al-Imam Malik, Umar telah keluar dalam suatu rombongan bersama 'Amru bin al-'Ash sehingga mereka melintasi suatu kolam. 'Amru berkata: Wahai pemilik kolam, apakah binatang buas meminum air kolam kamu? Umar berkata: Jangan beritahukan kami, sesungguhnya kami melintasi binatang buas dan bintang buas melintasi kami.

viii. Abdullah bin Umar yang terkenal dengan tasyaddudnya ditanya tentang keju (jubn) yang dibuat oleh orang Majusi, beliau menjawab: Apa yang aku dapati dijual di pasar orang Islam, aku akan beli dan aku tak akan tanya mengenainya.

ix. Al-Imam al-Sya'biy berkata: Apabila berselisih dua perkara pada kamu, sesungguhnya yang paling mudah adalah yang paling dekat dengan kebenaran berdasarkan ayat 187 Surah al Baqarah.

x. Sufyan al-Thawri berkata: Sesungguhnya ilmu itu ialah kamu mendengar rukhsah daripada thiqah, adapun menyusahkan (tasydid), ia mudah dilakukan oleh sesiapapun.

Dalam ruangan yang ringkas ini, akan dibawakan sebahagian bentuk kemudahan dalam Islam yang merupakan rahmat Allah dalam 2 bidang iaitu ibadat dan mu'amalat.

a. **Kemudahan dalam ibadat**

Ibadat bertunjangkan prinsip tawqif iaitu ibadat kepada Allah SWT adalah berdasarkan bentuk syariat-Nya di dalam al-Quran dan al-Hadis. Ibadat adalah hak mutlak Allah SWT yang dituntut dilakukan oleh hamba-nya. Kaifiyat ibadat dan bentuknya tidak boleh dilakukan melainkan dalam bentuk yang telah disyariat dan diizinkan oleh Allah SWT. Tiada ruang akal dalam soal ibadat. Ukuran baik oleh akal manusia tanpa sandaran syarak dalam soal ibadat adalah tertolak.

i. **Solat;**

Taharah merupakan syarat sah solat. Namun antara tanda rahmat dan kemudahan Islam ialah;
- Najis yang sedikit dan yang tidak dapat dielakkan adalah dimaafkan.
- Wanita tidak diwajibkan membuka sanggulnya sewaktu mandi junub
- Dibenarkan tayammum sewaktu ketiadaan air atau tidak dapat menggunakan air.
- Dibenarkan hukum menyapu Jabirah dan khuf

Bagi Solat pula terdapat pelbagai kelonggaran, antaranya;
- Diberikan kelonggaran bagi mereka yang tidak tahu arah kiblat.
- Diberikan kelonggaran bagi mereka yang tidak mampu membaca al-Fatihah dalam Solat
- Dalam Solat, apabila terlupa disyariatkan sujud sahwi kerana meninggalkan rukun atau menambahkan rukun dan sunat.
- Diberikan rukhsah pada orang tertentu daripada mendirikan Solat Jumaat
- Dibenarkan qasar solat dalam musafir.
- Dibenarkan jamak kerana musafir dan hujan
- Diberikan kemudahan masbuq dalam solat
- Mereka yang sakit dan tidak mampu dibenarkan solat dalam bentuk tersendiri
- Wanita yang haid dan nifas digugurkan daripada qada' solat mereka

ii. **Puasa;**

Antara kemudahannya ialah;
- Dibenarkan berbuka bagi yang tidak mampu, hamil, menyusukan anak, musafir dan sakit.
- Tidak diwajibkan qada' secara berturut-turut
- Dimaafkan pelanggaran yang tidak sengaja dan terlupa sewaktu berpuasa

iii. **Zakat;**

Kadar zakat adalah sedikit dan mudah bagi manusia iaitu segantang bagi zakat fitrah dan 2.5% bagi harta. Zakat pertanian pula mengikut bentuk cara pengairannya. Harta yang tidak cukup nisab pula tidak dikenakan zakat.

iv. **Haji;**

- Larangan dalam haji adalah mudah dan tidak menyulitkan
- Rukun haji dan wajibnya adalah mudah dilakukan sesuai dengan bentuk kesulitan ramainya jemaah haji.
- Bentuk fidyah yang dikenakan bagi pelanggaran adalah mudah dilakukan dan ada pilihannya.

b. **Kemudahan dalam muamalat**

Urusan selain ibadat mahdah, ia bertapak atas prinsip dibolehkan dengan melihat manfaat daripadanya yang diperoleh oleh manusia secara adil dan menjauhi kerosakan daripada manusia. Hukumnya tidak terhad pada yang dinyatakan oleh nas, bahkan ia berkembang menurut 'illah yang ada pada hukum. Oleh itu rahmat Islam jelas pada prinsipnya iaitu yang bermanfaat adalah dibenarkan, yang mudarat adalah diharamkan, prinsip hubungan antara manusia adalah dibolehkan.

i. **Jual beli;**

Dalam urusan jual beli, dibenarkan khiyar dalam jual beli, dibenarkan jual salam, dibenarkan al rahnu (gadaian), diwujudkan hukum kawalan harga, syuf'ah, pinjaman, pelaburan, muzara'ah, 'ariyah (pinjaman dan sebagainya.

ii. **Munakahat;**

Dalam mewujudkan rumahtangga bahagia, digalakkan agar kadar mahar terbaik adalah yang paling murah. Walaupun talak adalah hak mutlak suami, isteri juga diberikan hak khulu' bagi membebaskan dirinya. Dalam masalah pasangan yang hilang, pasangannya ada hak untuk membubarkan perkahwinan. Bagi masalah ila' isteri berhak juga membebaskan dirinya daripada ikatan suami yang menyiksa diri isteri.

iii. **Orang yang dipaksa dan terpaksa**

Islam memberikan perhatian khusus terhadap mereka yang berada dalam keadaan luar kawalan dirinya. Orang yang dipaksa mengucapkan kalimah kufur adalah dimaafkan. Manakala orang yang terdesak tiada makanan dibolehkan memakan bangkai. Sekiranya binatang telah mati, maka dibenarkan mengambil manfaat daripada kulitnya dengan jalan menyamak kulit berkenaan. Dalam keadaan tertentu yang terdesak atas keperluan perubatan, bahan yang haram dibenarakan menurut kadarnya.

iv. **Hubungan dengan Ahli Kitab**

Hubungan harmoni antara penganut agama samawi amat dijaga. Islam meletakkan hukum khusus dan istimewa terhadap Ahli Kitab dalam masalah makanan mereka yang dihalalkan, begitu juga urusan perkahwinan Muslim dengan Kitabiyyah. Hubungan dengan Ahli Kitab adalah lebih mesra berbanding non-muslim yang lain.

v. **Urusan peperangan**

Jihad adalah suatu kefarduan dan mereka yang lari dari medan perang dianggap melakukan dosa besar. Tetapi jika ia dilakukan dalam rangka merancang strategi peperangan maka ia dibenarkan. Demikian juga dibenarkan melakukan tipu helah dalam peperangan. Solat khawf pula disyariatkan menurut cara tersendiri sewaktu peperangan. Mereka yang cacat dan tiada kemampuan pula digugurkan daripada kewajipan berjihad.

5. PENUTUP

Perspektif rahmat dalam agama Islam boleh dilihat dari pelbagai sudut. Kertas ringkas ini telah membincangkan perspektif rahmat dalam bentuk kemudahan perintah syarak yang tergambar daripada amalan ibadat dan muamalat dalam Islam. ولله الحمد

KEWAJIPAN BERDA'WAH KEPADA BUKAN ISLAM

Oleh: BROTHER SHAH KIRIT BIN KAKULAL GOVINDJI

Bismillahir Rohmaanir Rohiim.

Alhamdulillahi Robbil 'Alamin. Wassolatu wassalam 'ala Rasulillah wa 'ala alihi wa ashabihi ajmain. Ammabad. A'uzubillahi minash syaitoonir Rojim. Robbish rohli sadri, wa yassirli amri, wahlul 'udatamillisani, yafqahuqawli.

Bismillahir rohmaanir Rohiim. Qul huwallahu ahad. Allahus somad. Lam yalid wa lam yulad. Wa lam yakul lahu kufuwan ahad.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang di rahmati Allah,

Assalamu'alaikum warohmatulahi wabarokatuh.

Topik kita pada kali ini adalah " Kewajipan Berda'wah", InsyaAllah. Terlebih dahulu izinkan saya memperkenalkan diri secara ringkas. Nama saya ialah Shah Kirit bin Kakulal Govindji. Pelik bukan? Kebiasaan di Malaysia, apabila seseorang itu masuk Islam, dia dikehendaki menukar nama bapa dia kepada Abdullah. Sebenarnya tidak ada satu pun nas dari Al-Qur'an mahupun Hadith Shahih yang mewajibkan seseorang yang masuk Islam mesti menukar nama bapa dia kepada Abdullah!

Saya telah dilahirkan sebagai seorang Islam tetapi ibubapa saya telah membesarkan saya sebagai seorang Hindu. Tuan-tuan dan puan-puan mesti hairankan. Ini adalah kerana di dalam Islam kita percaya bahawa setiap kanak-kanak di dunia ini dilahirkan dalam fitrah Islam tetapi ibubapalah yang mencorakkan mereka menjadi Nasrani, Yahudi, Majusi, Hindu, Buddha mahupun sebagai seorang 'Free Thinker'. Justeru itu saya lebih suka menggunakan perkataan 'Revert' daripada 'Convert' apabila seseorang itu menganuti agama Islam kerana mereka kembali kepada fitrah kejadian mereka.

Punca awal saya masuk Islam adalah atas dasar perkahwinan. Ya, kerana saya mahu berkahwin dengan perempuan Islam. Saya cakap 'direct' kerana di kalangan masyarakat kita ada sejenis 'penyakit', termasuklah dikalangan kakitangan Jabatan Agama Islam. Apabila sesorang itu menyampaikan hasrat untuk memeluk agama Islam, dia akan diperli atau disindir seperti "kenapa mau masuk Islam? Kalau tak ada perempuan Melayu memang tak sah!" Salah kah kami masuk Islam kerana mahu berkahwin? Sebenarnya masuk Islam kerana mahu berkahwin tidak salah. Mungkin itu Qada' dan Qadar, bersabit dengan perkahwinan seseorang itu mendapat hidayah dari Allah. Yang salah ialah sudah masuk Islam tidak mahu belajar dan tidak mahu beramal dengan Islam. Yang turut salah ialah masyarakat Islam setempat yang tidak mahu membimbing atau membantu orang yang baru masuk Islam.

Kalau kita perhati keadaan sekeliling, kita akan dapati ramai yang masuk Islam adalah kerana perkahwinan. Ini adalah kerana orang-orang Islam di Malaysia hampir-hampir tidak ada melakukan da'wah kepada orang-orang bukan Islam sekeliling mereka. Dahlah tak buat kerja, nak sindir orang pula!

Alhamdulillah, hari ini kita sebagai orang-orang Islam sedar bahawa Islam bukanlah milik orang-orang Arab atau Melayu sahaja tetapi adalah untuk seluruh umat manusia. Malangnya kita umat Islam hari ini telah lalai dari tanggung-jawab yang diamanahkan Allah kepada kita untuk menyampai da'wah Islam kepada mereka yang belum menerima Hidayah lagi. Allah swt mencela golongan seperti ini dalam Surah Al-Baqarah 2:140

"Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyembunyikan keterangan (saksi dan bukti) yang telah diberikan Allah kepadanya? Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang telah kamu lakukan".

Na'uzubillah, janganlah kita termasuk dalam golongan ini.

Allah swt memberikan penghormatan kepada kita orang-orang Islam didalam surah Ali Imran 3:110

"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia". Kita pun rasa sangat seronok mendengarkan ayat ini. Namun begitu kita lupa bahawa setiap penghormatan itu datang bersama tanggung-jawab. Lagi besar suatu penghormatan maka lagi beratlah tanggung-jawab yang harus dipikul. Tanggung-jawab yang diamanahkan oleh Allah kepada kita orang-orang Islam yang melayakkan kita di gelar 'sebaik-baik umat' juga disebut dalam ayat yang sama; "(Kerana) kamu menyuruh membuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah".

Ini bermakna kita harus menjadi masyarakat 'amar maaruf nahi munkar' iaitu melakukan da'wah kepada orang-orang bukan Islam sambil melakukan Islah sesama orang-orang Islam secara serentak.

Allah swt mengatakan didalam surah Al-Ikhlas 103:1-3

"Demi masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan sabar".

'Berpesan-pesan dengan kebenaran' bermakna melakukan 'amal maaruf nahi munkar' yakni melakukan da'wah kepada orang-orang bukan Islam sambil melakukan Islah sesama orang-orang Islam. Ayat ini jelas menunjukkan tanggung-jawab melakukan da'wah bukan tugas ustaz, imam atau Jabatan Agama sahaja tetapi adalah tanggung-jawab setiap orang Islam.

Di dalam Khutbah terakhir, Rasulullah saw telah bertanya kepada para sahabah yang tidak kurang dari 110,000 orang "Adakah aku telah sampaikan pesanan Islam" dan para sahabah pun secara serentak menjawab "Ya Rasulullah! Kau telah sampaikan". Maka Rasulullah saw seterusnya memerintahkan mereka "Siapa-siapa yang hadir disini, sampaikanlah kepada mereka yang tidak hadir". Para sahabat pun faham akan perintah Rasulullah saw lalu keluar dari negeri Arab menyampaikan da'wah Islamiah. Maka Islam telah pun sampai ke Negeri Cina, India, Sepanyol dan seterusnya ke Malaysia. Alhamdulillah, sahabat-sahabat dulu tidak ada sikap macam kita iaitu hanya mahu bercerita tentang Islam sekiranya ada yang bertanya tetapi sebaliknya telah bertebaran kepelbagai pelusuk dunia dalam menyampaikan syiar Islam.

Di dalam Shahih Bukhari jilid 4 hadith 667 diriwayatkan dari Abdullah Ibn Amr bahawa Rasulullah saw telah bersabda "sampaikanlah walau satu ayat". Kita tidak perlu dapatkan Phd atau ijazah atau menjadi ustaz / ustazah dalam menyampaikan da'wah Islam. Walaupun kita tahu satu ayat dalam Qur'an, kita boleh menyampaikannya. Sebagai orang Islam, kita tahu lebih dari satu ayat. Sekurang-kurangnya kita tahu 'La ilaha ilallah', maka sampaikanlah ia.

Dewasa ini dunia kita sudah berubah menjadi materialistic. Setiap perkara yang dilakukan mesti ada ganjaran atau keuntungan. Allah swt mengajak kita berniaga denganNya dalam Surah As-Saff 61:10-11

"Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu kamu beriman kepada Allah dan RasulNya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan hartabenda dan diri kamu".

Kini bila berniaga kita hendak tahu peratusan keuntungannya. Keuntungan yang dijanjikan oleh Allah swt dalam Surah Al-Baqarah 2:261 adalah

"Bandingan (derma) orang-orang yang belanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya".

Yakni setiap satu biji benih tumbuh menjadi tujuh ratus biji benih. Didalam bahasa perniagaan, ini adalah keuntungan yang tidak kurang dari 70,000%! Mana ada perniagaan lain didunia ini yang menjamin 100% pulangan keuntungan sehingga 70,000%?

'Master key' untuk melakukan da'wah kepada orang-orang bukan Islam ada diterangkan dalam Surah Ali Imram 3:64

"Katakanlah (wahai Muhammad): 'Wahai ahli kitab, marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara kami dan kamu, iaitu kita semua tidak sembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan denganNya suatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah'."

Untuk mencari kalimah-kalimah yang bersamaan antara kita dengan mereka, maka kita hendaklah mengkaji kitab mereka (bukan untuk beriman tetapi) untuk mencari ayat-ayat yang menjurus kepada tauhid. Sekiranya diperingkat permulaan kita hanya menggunakan Al-Qur'an dan Hadith sahaja mungkin orang-orang bukan Islam ini tidak percaya atau tidak yakin kerana mereka belum beriman kepada Al-Qur'an. Sekiaranya kita menggunakan Bible maka orang-orang Kristian terpaksa menerimanya. Berikut adalah beberapa hujah-hujah yang boleh kita gunakan dari Bible terhadap orang-orang Kristian:

"My Father is greater than I" [John 14:28]
"My father is greater than all" [John 10:29]
"...I cast out devil by the spirit of God..." [Matthew 12:28]
"...I with the finger of God cast out devils..." [Luke 11:20]
"I can of mine own self do nothing: as I hear, I judge: and my judgment is just; because I seek not my own will, but the will of the Father which hath sent me." [John 5:30]
"...and the word which ye hear is not mine, but the Father's which sent me." [John 14:24]

"*Shama Israelu Adonai Ila Hayno Adonai Ikhad.*"
"Hear, O Israel; The Lord our God is one Lord." [Mark 12:29]
Apabila kita mulakan da'wah kepada orang-orang Hindu, adalah lebih baik sekiranya kita mulakan dengan konsep ketuhanan dalam Islam yang terdapat dalam Surah Al-Ikhlas 112"1-4

"Katakanlah (wahai Muhammad): '(Tuhanku) ialah Allah yang Maha Esa; Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; Ia tiada beranak, dan Ia pula tiada diperanakkan; Dan tidak ada sesiapapun yang setara denganNya'."

Seterusnya kita boleh bincangkan mengenai ayat-ayat yang ada persamaan didalam kitab-kitab mereka contohnya Veda, Upanishad, Purana, Maha Bharata, Ramayana dan yang paling popular dikalangan orang-orang Hindu adalah Bhagavad Geeta. Berikut adalah beberapa contoh yang boleh kita gunakan:

" Those whose intelligence has been stolen by material desires surrender unto demigods and follow the particular rules and regulations of worship according to their own natures." [Bhagavad Gita 7:20]

"Ekam evadvitiyam"
"He is One only without a second" [Chandogya Upanishad 6:2:1][1]

"Na casya kascij janita na cadhipah."
"Of Him there are neither parents nor lord." [Svetasvatara Upanishad 6:9][2]

"Na tasya pratima asti"
"There is no likeness of Him" [Svetasvatara Upanishad 4:19][3]

"Na samdrse tisthati rupam asya, na caksusa pasyati kas canainam."
"His form is not to be seen, no one sees Him with the eye."
[Svetasvatara Upanishad 4:20][4]

"Na tasya pratima asti"
"There is no image of Him" [Yajurveda 32:3][5]

"Shudhama poapvidham"
"He is bodiless and pure" [Yajurveda 40:8][6]

"Andhatama pravishanti ye asambhuti mupaste"
"They enter darkness, those who worship the natural elements" (Air, water, fire, etc.).
"They sink deeper in darkness, those who worship sambhuti (created things; table, chair, idol etc.)." [Yajurveda 40:9][7]

Brahma Sutra of Hinduism:

> "Ekam Brahm, dvitiya naste neh na naste Kinchan"
> "There is only one God, not the second;
> Not at all, not at all, not in the least bit".

Namun begitu dalam kita menyampaikan da'wah kepada orang-orang bukan Islam, adalah penting kita sentiasa mengambil kira nasihat yang diberikan oleh Allah swt didalam Surah An-Nahl 16:125

"Serulah kejalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik".

Adakah kita menggunakan hikmat kebijaksanaan dan menasihatkan dengan cara pengajaran yang baik dan lemah lembut bila menyampaikan da'wah Islamiah kepada orang-orang bukan Islam? Jarang sekali Kebiasaannya bila ada orang bertanya mengenai Islam, jawaban yang lazim diberikan adalah; "Dalam Islam kita mesti sembahyang 5 kali sehari, Bulan Ramadhan mesti puasa satu bulan dari pagi sampai senja tidak boleh makan atau minum, mesti bayar zakat, tidak boleh makan 'kerbau pendek' (khinzir), tidak boleh minum (arak), mesti kena 'potong' dulu (berkhatan), pergi masjid mesti pakai songkok dan kain, kalau pergi solat Hari Raya mesti pakai baju Melayu (seolah-olah solat itu tidak sah tanpa memakai baju Melayu!) dan bermacam-macam lagi. Saya perhatikan bahawa kita sebenarnya lebih banyak 'meMelayukan' seseorang yang masuk Islam dari mengIslamkannnya. Kita memberikan gambaran seolah-olah Islam ini adalah satu agama yang sangat menyusahkan umatnya.

Sepatutnya kita jangan terlalu tekan berkenaan fikah (halal dan haram) pada peringkat permulaan. Yang harus diutamakan adalah tauhid, apabila iman dia sudah mantap barulah kita sampaikan bab fikah secara beransur-ansur ikut kemampuan seseorang individu. Bila iman sudah kukuh dihati, seseorang itu akan mengerjakan perintah Allah tanpa perlu disuruh, InsyaAllah.

Saya ingin mengajak semua yang hadir disini termasuklah diri saya agar marilah kita semua bangun. Bukannya bangun dari tempat duduk tetapi marilah kita bangun dari tidur kita. Kita telah lama tidur dengan mata celik. Marilah kita bangun dan laksanakan tanggung-jawab yang telah diamanahkan oleh Allah kepada kita untuk menyampaikan da'wah kepada orang-orang bukan Islam sambil melakukan Islah kepada sesama Islam.

BERHENTI dari memberikan alasan. Bila saya mengajak orang untuk berda'wah, mereka selalu memberikan alasan dan minta tunggu. Hendak tunggu apa lagi? Allah swt memberika amaran kepada kita dalam Surah At-Taubah 9:24

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika bapa-bapa kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk agamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-oramg yang fasik (derhaka)".

Hari ini kita orang-orang Islam masih lagi tunggu!

Marilah kita berhenti dari memberikan alasan-alasan seperti berikut:

a) Tunggulah saya pandai sampai bila-bila pun kita tidak akan cukup pandai sekiranya kita tidak cuba dari sekarang. Sekali lagi saya rujuk kepada hadith diatas iaitu; "Sampaikanlah walau satu ayat".
b) Tunggu bila ada orang bertanya baru nak cerita tentang Islam sekali lagi saya rujuk kepada petikan dari Khutbah terakhir Rasulullah saw; "Siapa-siapa yang hadir disini sampaikanlah kepada yang tidak hadir".
c) Negara kita negara majmuk, sensitif untuk melakukan da'wah - di zaman Nabi Muhammad s.a.w. terdapat tidak kurang dari 360 suku kaum. Ini tidak menghalang baginda dari memberikan da'wah kepada kaum Musyirikin pada masa itu malahan baginda telah berjaya menyatu padukan semua kaum tersebut dibawah panji Islam!
d) Agama ini urusan peribadi, jangan masuk campur dalam hal orang lain Dalam Islam ia menjadi tanggung-jawab semua orang-orang Islam mencampuri urusan orang lain apabila ia melibatkan perkara akidah; 'amal maaruf nahi munkar'.

Saya akhiri dengan sketsa berikut; bayangkanlah suatu hujung minggu kita pergi berkelah bersama keluarga ke pusat peranginan di tanah tinggi seperti di Genting Highland (tanpa singgah di kasino). Bila sampai ke puncak yang paling tinggi, kita pun menghamparkan tikar dan mula menjamu selera bersama-sama dengan keluarga.

Dalam kelekaan kita makan dan minum, anak kita yang berumur 2 tahun telah berlari-lari sampai ke hujung tebing; dihadapannya adalah jurang yang cukup dalam. Na'uzubillah, cuba bayangkan anak atau adik kita yang berumur 2 tahun berada dalam situasi itu. Cemas tak? Betul-betul sebelah anak kita ada seorang lelaki dewasa yang sihat dan waras. Apa yang perlu dilakukannya adalah hulurkan tangan dia dan pegang anak kita, InsyaAllah anak kita akan selamat. Tetapi lelaki tadi tidak endahkan anak kita dan anak kita melangkah lagi lalu jatuh kedalam gaung dan mati.

Ketika itu adakah kita akan ucapkan terima-kasih kepada lelaki itu kerana tidak masuk campur dalam urusan orang lain? Tidak, kita akan salahkan dia kerana tidak mahu menolong anak kita. Kita akan tuduh lelaki itu sebagai seorang yang sangat kejam.

Tuan-tuan dan puan-puan, sebenarnya kitalah orang-orang Islam yang memegang watak lelaki yang kejam tadi. Kita ada ramai kenalan bukan Islam seperti rakan kerja, kawan jiran dan sebagainya tetapi kita tak pernah buka mulut kita menyampaikan mesej Islam. Kita biarkan sahaja mereka mati dalam keadaaan kafir.

Di akhirat nanti mereka akan mengadu kepada Allah dan menarik kita sama-sama masuk ke neraka, na'uzubillah. Apakah alasan yang akan kita berikan pada Allah ketika itu? Marilah kita sama-sama bangun dan sampaikan da'wah kepada orang-orang bukan Islam sambil melakukan Islah sesama orang-orang Islam.

Wa akhiri da'wana anil hamdulillahi Robbil 'alamin.

Shah Kirit Bin Kakulal Govindji
E-mail: shah@saba.com.my
Hand phone: 019-555 7770

[1] [The Principal Upanishad by S. Radhakrishnan page 447 and 448]
[Sacred Books of the East, volume 1 'The Upanihads part I' page 93]

[2] [The Principal Upanishad by S. Radhakrishnan page 745]
[Sacred Books of the East, volume 15 'The Upanihads part II' page 263]

[3] The Principal Upanishad by S. Radhakrishnan page 736 and 737]
[Sacred Books of the East, volume 15 'The Upanihads part II' page 253]

[4] The Principal Upanishad by S. Radhakrishnan page 737]
[Sacred Books of the East, volume 15 'The Upanihads part II' page 253]

[5] [Yajurveda by Devi Chand M.A. page 377]

[6] [Yajurveda Samhita by Ralph T.H. Griffith 538]

[7] [Yajurveda Samhita by Ralph T.H. Griffith 538]

ISLAM ITU MUDAH

Oleh: PROF. DATO' DR. MAHMOOD ZUHDI HAJI ABD. MAJID

Pendahuluan :

Apabila seorang badwi datang kepada Rasulullah s.a.w. dengan hasrat hendak memeluk agama Islam, tetapi masih mempunyai masalah kerana katanya masih belum mengenali Tuhan, baginda Rasulullah s.a.w. bertanya kepada beliau tentang arah dari mana dia datang tadi. Apabila badwi itu memberitahu arah berkenaan, aginda Rasulullah s.a.w. bertanya lagi tentang apa yang dia nampak di sepanjang perjalanannya kesitu. Apabila badwi itu menjawab dia nampak tahi-tahi unta, baginda Rasulullah s.a.w. lalu bertanya, apakah yang kamu fikir apabila kamu melihat tahi-tahi unta itu? Badwi itu terus menjawab dengan bersahaja, saya fikir bila ada tahi tentu ada untanya. Mendengar jawapan itu baginda Rasulullah s.a.w. terus bersabda kepada badwi itu bahawa kamu sebenarnya sudah mengenal Tuhan.

Ya, bila ada tahi tentu ada untanya. Dengan logik yang mudah itu badwi berkenaan telah dikira sudah beriman dan sudah juga mengeli Allah. Beliau tidak ditanya oleh Rasulullah s.a.w. lebih daripada itu, dan tidak diajar lebih daripada itu. Malah pernah Rasulullah s.a.w. menyifatkan iman seorang badwi yang tidak berpelajaran itu lebih mendalam daripada iman seorang yang berpelajaran kerana lebih tulus dan ikhlas.

Moral cerita ini ialah Islam itu mudah sekali. Sampai untuk mengenali Allah pun terserah kepada kemampuan masing-masing. Cuba bayangkan kalau baginda Rasulullah s.a.w. mengajar kepada badwi itu sifat dua puluh, atau menghuraikan fakta sains yang tinggi nilai ilmiahnya. Besar kemunkinan badwi itu akhirnya merasa keciwa kerana begitu sukar sekali untuk mengenali Tuhan, yang bererti untuk memeluk agama Islam bukanlah suatu yang mudah.

Satu jenaka rakyat yang disebut oleh ramai orang, seorang cina mualaf yang baru masuk Islam pertama kali menghadiri kelas tentang ilmu tauhid. Guru bertugas dengan penuh kesungguhan mengajar mualaf itu sifat dua puluh. Bermula denga sifat pertama, iaitu *wujud* ertinya ada, lawannya tiada, dalil adanya sekalian makhluk ini. *Qidam* ertinya lama, lawannya baru, dalil lama nya sekalian makhluk ini. *Baqa`*, ertinya kekal, lawannya musnah, dalail kekalnya sekalian makhluk ini. Merasa kecewa dengan kesukaran untuk memahami apa yang diajar itu mualaf it uterus berkata "Apa dalam Islam ini kira lawan saja kah ?"

Satu jenaka rakyat lain menceritakan tentang seorang buta yang baru mendengar berita tentang kematian anak kecil jirannya. Beliau lalu bertanya kepada seorang mahasiswa yang begitu yakin kepada ketinggian ilmunya "Mengapa budak itu mati ?". Jawab mahasiswa itu "Lemas tersedut susu". Tanya orang buta itu lagi kerana belum faham "Apa itu susu sampai boleh menyebabkan budak itu mati?" Jawab mahasiswa jabatan fizik itu dengan penuh yakin dan ilmiah " Susu adalah satu jenis cecair yang putih". Masih belum faham tentang kaitan jawapan berkenaan dengan kematian budak itu orang buta itu bertanya lagi "Apa itu putih?". Jawab mahasiswa itu "Putih itu sama seperti burung bangau" Masih belum faham kerana tidak pernah melihat perkara-perkara yang disebut tadi, orang buta yang kuat rasa ingin tahunya itu bertanya lagi. "Burung bangau itu macam mana ?" Mahasiswa itu lalu membengkokkan tangannya sampai terbentuk seperti seekor burung . Dia lalu meminta orang buta itu meraba gambaran burung bangau yang dibentuk dengan menggunakan tangannya itu. Apabila orang buta itu meraba tangan mahasiswa yang dibentuk seperti burung bangau itu dia terkejut besar. Dia terus berkata dengan penuh sedih " Kalau beginilah susu, usahkan budak orang tua pun boleh mati kalau menyedutnya".

Mesej yang hendak disampaikan oleh dua cerita di atas ialah sesuatu idea itu bagaimana simple sekali pun kalau dipersembahkan dengan cara yang tidak sesuai akan sangat sukar difahami, malah munkin difahami dengan secara salah. Islam tidak mahu hal seperti itu berlaku. Kerana itu Islam sentiasa memperkenalkan dirinya secara mudah sepertimana yang terdapat dalam cerita badwi di atas.

Islam Agama Fitrah:

Salah satu sebab mengapa Islam itu mudah ialah kerana ia agama fitrah. Maksudnya agama yang selaras dengan tabiat semula jadi manusia. Untuk memahaminya cukup mudah dan untuk menghayatinya juga cukup mudah, kerana ia tidak asing bagi tabiat atau naluri semula jadi manusia sendiri.

Bermula daripada cara mengenal Tuhan seperti dalam kesah badwi diatas, sampailah kepada pembinaan sebuah negara, semua kehendak Islam mudah difahami dan mudah pula dilaksanakan. Sehubungan dengan ini Rasulullah s.a.w. pernah bersabda menyatakan Islam itu mudah dan menegaskan siapa saja yang berhasrat untuk mengamalkan agama itu tetap akan berjaya. Hanya kalau sekiranya naluri manusia itu telah berubaha corank menjadi tidak asli lagi, atau pengajaran islam itu sendiri telah diperpayahkan oleh para penganutnya sendiri, baru dalam keadaan itu Islam munkin menjadi payah. Bukan kerana ia sendiri, tetapi kerana persekitaran yang menjadikan ianya payah.

Oleh kerana itu, untuk mengekalkan kedudukan Islam sebagai agama mudah tabiat semula jadi manusia perlu dijaga supaya tidak tercemar dan berubah coraknya. Adalah menjadi tabiat semula jadi manusia untuk mencari Tuhan yang mencipta dirinya dan seluruh alam ini untuk disembah dan dipatuhi segala arahannya. Kecualilah kalau dia sudah berubah corak menjadi manusia penderhaka dan lupa daratan kerana tabiat semula jadinya sudah berubah. Begitulah juga halnya dengan rasa untuk berbuat baik, rasa untuk berlaku adil, rasa untuk tidak mahu menceroboh hak orang lain dan sebagainya. Semuanya ini adalah naluri semula jadi manusia. Maka apabila Islam menyuruh melakukan hal-hal seperti itu manusia tidak akan merasa sukar untuk melaksanakannnya kerana sudah menjadi sebahagian daripada naluri da perasaan mereka sendiri.

Hakikat ini boleh membantu untuk kita lebih memahami gejala penolakan terhadap Islam di zaman ini oleh ramai orang. Mereka ini sebenarnya orang-orang tang telah rusak tabiat semula jadinya oleh banyak sebab, seperti menganut fahaman-fahaman yang menyeleweng, contoh nya ethisme, libralisme dan macam-macam ajaran lagi yang menyebabkan seseorang itu terlepas daripada ikatan asal sebagai manusia yang mempunyai tabiat semula jadi yang hakiki. Bagi membimbing semula mereka ini kepada Islam mereka tidak perlu diberitahu tentang kebenaran Islam itu sendiri, kerana mereka tidak akan dapat menerima logic nya. Apa yang boleh dilakukan ialah mengembalikan mereka kepada sifat manusia yang asal, iaitu yang mempunyai sifat semula jadi yang tidak tercemar.

Ibarat orang yang sakit sehingga menyebabkan selira makannya terjejas. Gula yang manis dirasakan pahit, makanan yang enak dirasaklan hambar, dan sebagainya. Orang seperti ini ini tidak guna diberitahu walau dengan cara bagaimana sekalipun bahawa gula itu manis dan makanan itu enak. Dia akan tetap merasakannya seperti yang dia rasa sebelum itu, kerana seliranya sudah tidak normal lagi. Cara yang betul ialah membantu orang seperti ini supaya kembali sihat. Dengan ituselira makannya akan kembali normal dan dengan sendirinya dia akan dapat kembali merasai manis nya gula dan enak nya makanan itu. Cara untuk mengembalikan mereka ini kepada tabiat atau naluri asal manusia yang normal tentu banyak sekali, termasuk melalui usaha pembudayaan semula dengan nilai-nilai kemanusiaan yang sebenar.

Selain mengekalkan tabiat semula jadi manusia, sifat Islam yang asal juga perlu dikekalkan. Yang dimaksudkan dengan sifat Islam yang asal di sini ialah sifat Islam yang belum dipengaruhi oleh berbagai corak pentafsiran. Dalam satu istilah lain yang lebuh modern, Islam yang fundamental, iaitu Islam sepertimana dalam al-Quran dan al-Sunnah. Ini bukan bererti pengajaran Islam itu tidak boleh dikembangkan melalui usaha-usaha akademik, sepertimana yang berlaku beabad-abad lamanya sejak daripada zaman Nabi s.a.w.

lagi sampai kehari ini. Cuma dari masa kesemasa penilaian semula secara akademik juga perlu dilakukan terhadap hasil-hasil akademik itu agar pengajaran Islam yang mudah dan jelas itu tidak dikaburi oleh debu zaman. Baru dengan itu Islam akan sentiasa dikembalikan kepada sifat asalnya yang tentu sekali sesuai untuk sepanjang zaman dan tempat. Tanpa usaha seperti ini Islam munkin kelihatan semakin payah dari satu masa kesatu masa kerana pentafsiran-pentafsiran yang rumit-rumit telah mempengaruhinya.

Usaha-usaha seperti ini biasanya disebut sebagai *tajdid,* iaitu memperbaharui pentafsiran tentang Islam sepertimana yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah sesuai dengan keadaan semasa dan setempart. Hal ini sesuai dengan sifat Islam sendiri yang disebut sebagai universal dan sesuai untuk semua zaman dan tempat. Ia nya suatu proses berterusan yang berlaku sejak zaman awal Islam lagi sampailah kehari ini.

Prinsip Asas:

Antara prinsip asas yang terdapat dalam Islam bagi mendokong sifat mudahnya Islam itu boleh didapati dari berbagai ayat al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Dalam sebuah ayat(al-Haj:228) Allah menegaskan bahawa tidak ada sesuatu pun dalam agama Islam ini yang boleh meletakkan sesiapa dalam keadaan serba salah. Kerana (al-Baqarah:185) Allah sebenarnya tidak mahu hal seperti itu berlaku. Dalam ayat yang lain (al-Baqarah:286) secara lebih jelas Allah menegaskan bahawa Dia mahu manusia merasa mudah dan tidak mahu mereka merasa payah. Tujuannya ialah(al-Ma`idah:6) untuk merengankan bebanan daripada mereka memandangkan manusia itu sebenarnya makhluk yang lemah. Sehubungan dengan ini Allah(al-Nisa`28) menegaskan bahawa Dia tidak akan membebankian sesiapa kecuali dengan bebanan yang termampu dipikul olehnya.

Pengertian ayat-ayat di atas apabila difahami secara bersama dalam konteks sifat mudah nya Islam itu begitu jelas sekali menegaskan sifat berkenaan bagi agama itu. Pengertian-pengertian ini telah membentuk satu prinsip besar bahawa Islam itu cukup mudah untuk dilaksanakan dan dihayati dalam suasana apa pun jua. Allah sendiri yang memberi jaminan seperti itu.

Dalam sunnah Rasulullah s.a.w. juaga terdapat penegasan yang sama. Dalam suatu hadis baginda Rasulullah menegaskan bahawa agama Islam yang dibawanya itu berasaskan kepada fitrah manusia dan sangat bertoleransi. Toleransi ini sampai kepada peringkat tidak akan ada siapa yang berhasrat menghayati kehendak agama itu akan gagal melaksanakan hasratnya itu. Malah baginda s.a.w. apabila mengutus Abu Musa al-Asy'ari dan Mu'adz ibn Jabal ke Yaman telah menasihati mereka berdua supaya tidak bersikap memayahkan apabila mentadbir masyarakat. Malah sebaliknya mereka perlu bersikap memudakhan urusan, tidak mengugut tetapi sebaliknya menggalakkan. Alasan yang diberikan oleh baginda ialah kerana mereka berdua diutus untuk memberi kemudahan dan bukannya untuk mencipta kesukaran. Baginda sendiri pun apabila berhadapan dengan dua alternatif biasanya akan memilih alternatif yang mudah, selagi tidak mengakibatkan dosa.

Berasaskan kemudahan yang diberikan inilah dalam Syarit Islam tidak terdapat apa-apa hukum yang sukar untuk difahami atau amalan yang sukar untuk dilaksanakan. Malah terdapat berbagai prinsip lain yang mendokong prinsip asas ini. Antaranya ialah prinsif *Rukhsah,* prinsip *Dharurah,* prinsip *Tadarruj* dan banyak lagi. Bersama-sama dengan prinsip-prinsip sokongan ini, prinsip asas tentang mudah nya Islam itu telah menjadikan Syariat Islam begitu senang sekali dihayati dan direalisasikan tanpa merasa bosan atau tertekan.

lagi sampai kehari ini. Cuma dari masa kesemasa penilaian semula secara akademik juga perlu dilakukan terhadap hasil-hasil akademik itu agar pengajaran Islam yang mudah dan jelas itu tidak dikaburi oleh debu zaman. Baru dengan itu Islam akan sentiasa dikembalikan kepada sifat asalnya yang tentu sekali sesuai untuk sepanjang zaman dan tempat. Tanpa usaha seperti ini Islam munkin kelihatan semakin payah dari satu masa kesatu masa kerana pentafsiran-pentafsiran yang rumit-rumit telah mempengaruhinya.

Kecenderungan Memayahkan Yang Mudah

Bagaimana pun dalam masyarakat Islam selalu terdapat mereka yang sengaja menghuraikan pemikiran atau idea yang senang dengan cara yang susah, melakukan amalan yang senang dengan cara yang susah, dengan harapan untuk mendapat faedah atau ganjaran yang lebih. Kadang-kadang sikap dan amalan seperti ini sampai kepada peringkat keterlaluan sehingga boleh memesongkan objektif asal amalan berkenaan.

Memang, dalam Islam terdapat gesaan supaya melakukan sesuatu dengan cukup baik dan sempurna, misalnya sepertimana yang terdapat dalam konsep *Ihsan*. Tetapi untuk mencapai tahap kesempurnaan atau nilai tambah dalam melakukan sesuatu perbuatan itu bukan dengan cara menyusahkan yang senang atau sebagainya, tetapi sebaliknya dengan melakukan sepenuhnya apa yang berkait dengan amalan itu sendiri tanpa sengaja menjadikannya susah.

Sejak daripada zaman Rasulullah s.a.w. lagi sikap seperti ini tidak dibenarkan oleh baginda. Bila beberapa para sahabat menyatakan keinginan masing-masing samada untuk berpuasa di sepanjang tahun, untuk sembahyang disepanjang malam dan sebagainya baginda melarang hasrat itu dari diteruskan kerana amalan yang sepatutnya senang itu telah disusahkan. Apabila ada sahabat yang mahu menyedekahkan semua harta nya, Rasulullah s.a.w. menegur agar tidak berbuat begitu. Kerana ia boleh menyusahkan anak cucu .

Antara gejala yang menjadikan perkara senang ini sebagai susah ialah tafsiran para fuqaha. Munkin apa yang dihuraikan oleh mereka itu mempunyai objektif khusus yang ada perkaitan rapat dengan suasana yang terdapat pada waktu hukum berkenaan dihuraikan. Tetapi pada hari ini suasana berkenaan sudah tidak ada lagi, sedangkan fatwa yang mengambil kira fatwa itu masih kekal dalam kitab-kitab berkenaan. Hal semacam inilah yang dimaksudkan di atas tadi apabila dianjurkan supaya *Tajdid* dilakukan bagi membersihkan Islam daripada nilai-nilai sementara masyarakat yang semimangnya telah berlalu.

Penutup:

Hakikat bahawa Islam itu mudah munkin tidak sukar diterima oleh siapa sahaja yang faham tentang Islam. Namun dalam menentukan konsep mudah itu sendiri dan bagaimana merialisasikan sifat itu dengan sebaik dan sesempurna munkin bukan mudah untuk bersepakat. Maka sebaik jalan untuk mencari jalan penyelsaian ialah kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah. Bagaimana pun perkembalian itu tidak boleh dibuat secara sembarangan. Ia perlu menghormati tradisi keilmuan itu sendiri. Antaranya ialah menghormati tafsiran kelasik sebagai autoriti yang boleh menentukan kesinambungan ilmu. Tanpa penghormatan kepada tafsiran kelasik kesinambungan ilmu akan hilang dan keilmuan yang mahu ditegakkan itu tidak memperolehi asas yang cukup kukuh untuk tegak berdiri.

Satu hal lain ialah kalau terjadi apa-apa perbezaan pendapat polimik secara tertib perlu diadakan. Polimik bercorak *Jidal* atau berhujah semata-mata untuk menegakkan pendirian sendiri tidak dihormati oleh keilmuan Islam. Sebaliknya polimik secara beradab dan ilmiah boleh menguntungkan keilmuan Islam sepertimana yang pernah dialaminya pada zaman kegemilangan yang lampau.

Wallahu a'lam.